

06/09/1997

Ucapan Mahathir dianggap buka minda

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno menyifatkan ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyenaraikan secara jelas cabaran serta peranan ahli parti untuk membentuk budaya baru bagi menebus maruah bangsa dan agama, amat bernas.

Ketua kedua-dua sayap Umno itu sependapat, orang Melayu menguasai ilmu dan teknologi serta membina ketahanan diri untuk menjadi bangsa maju.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata mulai hari ini orang Melayu, khususnya ahli parti perlu membuka minda dengan melakukan sesuatu supaya tidak tertinggal.

Maruah bangsa hanya boleh ditebus sekiranya orang Melayu meningkatkan pengetahuan dan mengukuhkan ekonomi kerana ia tidak boleh dicapai dengan kata-kata sahaja.

"Masyarakat tempatan mahupun antarabangsa akan melihat sejauh mana pencapaian kita apabila ia berjaya mencapainya dan ia secara langsung membuktikan kita bukan hanya pandai bercakap," katanya.

Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, pula menyifatkan ucapan Presiden amat bernas kerana menyenaraikan secara jelas cabaran serta peranan ahli Umno sebagai pemangkin perubahan parti.

"Ucapannya berjaya membangkitkan kesedaran kita bahawa perjuangan kita masih belum selesai dalam usaha memastikan kewibawaan dan keutuhan parti terus berkekalan.

"Tanggungjawab itu tidak hanya bersandarkan kepada peranan kita untuk mengukuhkan perpaduan parti semata-mata tetapi turut menyedari dan mempraktikkan nilai murni sebagai individu dan umat Islam yang bertanggungjawab," katanya.

(END)